

Headline	KOMPLEKS GUA NIAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	24,25	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1784 cm <sup>2</sup>
Journalist	HAFIZ ITHNIN	AdValue	RM 70,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 210,836



## KOMPLEKS GUA NIAH BAKAL JADI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO

Tapak Warisan Dunia adalah pengiktirafan atau kawasan dengan perlindungan undang-undang oleh konvensyen antarabangsa yang dikendalikan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Tapak Warisan Dunia ditetapkan oleh UNESCO kerana mempunyai kepentingan budaya, sejarah, saintifik atau bentuk lain. Tapak-tapak ini dinilai mengandungi warisan budaya dan semula jadi di seluruh dunia yang dianggap bernilai luar biasa kepada manusia. Tapak yang diiktiraf UNESCO mesti mempunyai signifikansi di peringkat dunia.

### TUJUAN UTAMA

Pemilikan status UNESCO bagi memastikan pengkalan dan perlindungan warisan negara. Semua tapak yang berjaya mendapat pengiktirafan perlu mematuhi standard pemeliharaan yang telah digariskan oleh pihak UNESCO agar warisan dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

### KEPENTINGAN STATUS UNESCO KEPADA WARISAN NEGARA:

Jenama yang berprestij di peringkat dunia.

Meningkatkan visibiliti negara.



Menjadi tarikan dan destinasi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pertambahan peluang pekerjaan, perniagaan dan lain-lain.

### PEMANTAUAN TAPAK UNESCO DI MALAYSIA



Perlu mematuhi garis panduan yang disediakan di dalam Konvensyen Pelan Pengurusan Pemuliharaan dan Special Area Plan.

Pembangunan baharu dibenarkan sekiranya tidak melanggar garis panduan dan Penilaian Kesan Warisan (HIA) hendaklah disediakan untuk pertimbangan sebelum kebenaran diberikan.



Bagi tapak-tapak yang telah diwartakan di bawah Akta warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], sebarang pembangunan adalah tertakluk kepada seksyen 40, perlu mendapatkan kebenaran daripada Pesuruhjaya Warisan. Permohonan Kebenaran Merancang akan diujuk kepada Jabatan Warisan Negara dan akan dibincangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan di Tapak Warisan Dunia.

### BAJET 2024

Memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan berpotensi diiktiraf UNESCO antaranya, Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Niah, Taman Negeri Niah, Lembah Bujang dan Taman Negeri Royal Belum antara terkandung di dalam RM 80 juta bagi mengindahkan, keselamatan dan kebersihan.

### MASA HADAPAN

Terdapat beberapa tapak dikenal pasti oleh Malaysia untuk dijadikan Tapak Warisan Dunia UNESCO:

1. FRIM Forest Park Selangor (2024).
2. Taman Negeri Royal Belum (2025).
3. Pusat Kawalan Kusta Negara (2026).

Sumber: Jabatan Warisan Negara (JWN), PBB dan Tekis Ucapan Menteri Kewangan untuk Pembentangan Bajet 2024.

## 1 GEORGE TOWN, PULAU PINANG

Diwartakan tahun 2008

### KEDATANGAN PELANCONG

■ 2023 (Januari - September)	
Domestik	409,432
Antarabangsa	800,647
Jumlah	<b>1,210,079</b>
■ 2022	
Jumlah	<b>691,462</b>



Masjid Leluh Acheh

## KEDATANGAN PELANCONG

Tapak Warisan Dunia di Malaysia memberi kesan positif kepada sektor pelancongan apabila ia mampu meraih kedatangan pelancong (data setakat Januari hingga September 2023):

■ 2023 (Januari - September)	
Jumlah KESE	
Domestik	.....
Antarabangsa	.....
Jumlah	.....
■ 2022	
Jumlah	.....

## 2 WARISAN ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG

Diwartakan tahun 2012

### KEDATANGAN PELANCONG

■ 2023 (Januari - September)	
Domestik	20,327
Antarabangsa	508
Jumlah	<b>20,835</b>
■ 2022	
Jumlah	<b>8,668</b>

GUA GUNUNG RUNTUH  
Lokasi rangka Perak Man ditemui pada 1991



## 3 BANDAR BERSEJARAH SELAT MELAKA

Diwartakan tahun 2008


### KEDATANGAN PELANCONG

■ 2023 (Januari - Mac)	
Domestik	1,192,232
Antarabangsa	175,081
Jumlah	<b>1,367,313</b>
■ 2022	
Jumlah	<b>6,043,827</b>

Porta de Santiago (Pintu Santiago)  
Salah satu pintu masuk ke Kota A Famosa ditina Portugis yang masih kekal



GAMBARAN KOTA MELAKA PADA ERA PENGUSAHAN PORTUGIS (1511-1641)



1. Pintu S. Domingo
2. Pintu S. Antonio
3. Pintu S. Santiago
4. Pintu Allandega
5. Hospital rakyat
6. Gereja Saint Paul
7. Kubu A Famosa
8. Hospital Diraja

Gambaran semula wajah Perak Man oleh sekumpulan penyelidik USM



Headline	KOMPLEKS GUA NIAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	24,25	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1784 cm <sup>2</sup>
Journalist	HAFIZ ITHNIN	AdValue	RM 70,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 210,836



WARTAWAN  
Hafiz Ithnin  
hafizithnin@media Prima.com.my



GRAFIK  
Salim Dawam  
norsalim@hmetro.com.my

### ANCONG

23 (Januari - September)

LAH KESELURUHAN:

Destik .....1,793,453

rabangsa .....1,043,716

ah .....2,837,169

22 .....7,289,084

Gunung Mandalau 1148m

Gunung Tempilap 1151m

Gunung Lanau-Lanau 1198m

Gunung Tambuyukon 2576m

Gunung Kinabalu 4095m

Gunung Beharut 1580m

Pinnacles

Gua Air Jerneh

Gunung Api 1750m

Gua Angli

Gua Poyau

Gua Lang

Gunung Mulu 2376m

### 5 TAMAN KINABALU, SABAH

Diwartakan tahun 2000

**KEDATANGAN PELANCONG**

- 2023 (Januari - September)
  - Domestik ..... 164,609
  - Antarabangsa ..... 56,347
  - Jumlah ..... **220,956**
- 2022
  - Jumlah ..... **529,963**

### 4 TAMAN NEGARA MULU

Diwartakan tahun 2000

**KEDATANGAN PELANCONG**

- 2023 (Januari - September)
  - Domestik ..... 6,853
  - Antarabangsa ..... 11,133
  - Jumlah ..... **17,986**
- 2022
  - Jumlah ..... **15,164**

### TERBAHARU

## TAPAK WARISAN ARKEOLOGI KOMPLEKS GUA TAMAN NEGARA NIAH, SARAWAK

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Warisan Negara bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak ke arah pengiktirafan Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah, Sarawak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Dalam hal ini, Dossier Pencalonan dikemukakan kepada pihak UNESCO dan telah melalui proses Penilaian Teknikal oleh Misi Penilai ICOMOS pada 29 September hingga 5 Oktober 2023 yang lalu. Setiap tapak yang dicalonkan perlu melalui proses penilaian ini. Proses penilaian meliputi di peringkat pakar-pakar dan sekretariat World Heritage Center yang beribu pejabat di Paris serta semakan di tapak.

Keputusan UNESCO World Heritage Committee sama ada tapak ini berjaya disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO atau sebaliknya dijangka akan diperolehi pada 2024. Sekali gus, menjadi ke Tapak Warisan Dunia UNESCO kelima di Malaysia

#### LATAR BELAKANG SEJARAH

Pentarikhan dianggarkan sekitar 40,000 tahun dahulu berdasarkan jumpaan tengkorak manusia prasejarah (*deep skull*). Dari segi geologi, pembentukan kompleks batu kapur subis sekitar 23 juta tahun.

**Keunikan Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah:**

- Taman Negara Niah dan kompleks guanya membuktikan bahawa wujud hasil adaptasi dan manipulasi persekitaran hutan hujan tropika terhadap evolusi, adaptasi dan penyebaran manusia di kedua-dua tanah besar dan kepulauan geobudaya rantau Asia Tenggara.
- Menunjukkan kebolehan manusia prasejarah dalam mengadaptasi cara hidup, tingkah laku dan teknik likhtiar hidup kesan daripada perubahan persekitaran akibat perubahan iklim melalui petunjuk daripada legasi kepercayaan mereka.
- Legasi ini kemudiannya diolah semula dalam bentuk pendekatan yang lebih kontemporari bagi pengurusan sumber yang mampan.
- Antara artifak lama ditemui di Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah:-
  - Tembikar
  - Batu kerikil kuarsa
  - Alat-alat jenis cangkul dan kapak adze
  - Batu perapian dan penggoreng api kuarsa
  - Penepuk
  - Batu Pemukul
  - Pengasah
  - Batu oksida besi
  - Seramik

Batu Loket ditemui di Lobang Kuala

Lukisan primitif "perahu kematian" di dinding Gua Kain Hitam

Tapak arkeologi 1958 di Lobang Kuala (West Mouth)

Laluan masuk Lobang Kuala. Kelihatan rumah didiami Tom Harrison ketika beliau membuat penyelidikan di dalam kawasan Gua Niah.